

14/09/2003

Buah tangan Dr M sebelum bersara

Ismail Mat

BAJET 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat kelmarin, dilihat memberi manfaat kepada semua sektor dan lapisan rakyat negara ini.

Dalam menempuh perubahan ekonomi dunia, kerajaan juga mahu melihat sektor swasta memainkan peranan penting membantu kerajaan menjana ekonomi negara dalam jangka panjang.

Meskipun, ramai mengharapkan pelbagai insentif percukaian, namun Dr Mahathir tidak sewenang-wenangnya membelanjakan wang kerajaan, sebaliknya setiap langkah yang diambilnya mempunyai matlamat untuk dicapai.

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT mendapatkan pandangan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem, berhubung bajet itu yang dianggap 'buah tangan' Dr Mahathir kepada rakyat sebelum persaraannya, bulan depan.

GOLONGAN mana yang sebenarnya menikmati faedah terbesar daripada Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, kelmarin?

Kalau kita teliti, sebenarnya tiada pihak yang tertinggal. Daripada ibu tunggal, pelajar, golongan cacat, sektor industri hingga Orang Asli, masing-masing mendapat faedah dari bajet kali ini menerusi peruntukan lumayan dan insentif tertentu kecuali penghisap rokok dan peminum arak.

Boleh jelaskan maksud belanjawan yang dibentangkan Dr Mahathir yang menggariskan inisiatif polisi berani yang mengambil kira perkembangan pantas ekonomi dan sosial selama setengah abad dan untuk kesejahteraan abad ke-21?

Memang dengan jelas, Bajet 2004 ini adalah bajet berwawasan dan ini bukan sesuatu yang boleh dikatakan bajet pilihan raya sebaliknya ia adalah satu rancangan yang serius untuk mencergaskan ekonomi Malaysia dan menyusun semula struktur ekonomi.

Dr Mahathir memberi pertimbangan khas kepada sumber baru yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan cara baru dalam melakukan sesuatu. Berdasarkan keadaan itu, saya katakan ini adalah satu bajet yang serius yang tidak hanya menumpukan kepada masalah jangka pendek tetapi ini sesuatu yang membincangkan berkaitan masalah yang akan dihadapi negara dalam jangka panjang.

Sungguhpun, ia bukan bajet yang seimbang tetapi dia mempunyai keseimbangan kerana merangkumi semua aspek ekonomi dan sosial. Meskipun bajet ini perancangan yang serius tetapi ia tidak membebankan masyarakat. Ada macam-macam insentif diberikan, memang ada 'goodies', tetapi ini tidak diberi secara sewenang-wenangnya, sebaliknya semua pendekatan itu menumpukan untuk menjayakan satu matlamat rancangan ekonomi jangka panjang. Itulah kelainan bajet kali ini berbanding yang pernah kita saksikan sebelum ini.

Bajet 2004, dengan perbelanjaan sebanyak RM112.5 bilion, adalah pengurangan 1.6 peratus daripada RM114.3 bilion perbelanjaan pada Bajet 2003. Kenapa pendekatan defisit terus diambil?

Ada justifikasi untuk kerajaan melanjutkan bajet defisit ini yang dialami sejak beberapa tahun lalu, tetapi apa yang penting ialah saiz defisit ini dikurangkan daripada 5.4 peratus kepada 3.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan saiz bajet juga berkurangan 1.6 peratus berbanding sebelum ini.

Ini adalah satu bajet yang berkembang yang menunjukkan usaha pihak kerajaan ke arah mengimbangkan bajet negara pada 2006. Pada Bajet 2005 tidak boleh lagi, sebab kita ada 3.3 peratus defisit ini yang memungkinkan bajet defisit diteruskan pada 2005 tetapi dengan peratusan yang lebih rendah. Hanya selepas itu sekurang-kurangnya pada 2006, kita akan dapat bajet yang seimbang antara pendapatan dan perbelanjaan.

Bajet ini bertimbang rasa dan memikirkan keperluan semua pihak sambil mengambil kira keadaan ekonomi pada masa ini. Kita tidak boleh terus mendapat zero defisit kerana kalau kita nak cepat dapatkan balance, kita kena naikkan cukai atau terpaksa kurangkan insentif kepada semua pihak. Anda tidak boleh dapat kedua-duanya sekali, insentif mesti diberikan, bukan kerana pilihan raya tetapi kita mempunyai rancangan ekonomi yang bermatlamat menstruktur semula ekonomi Malaysia. Jadi sebab itu insentif diberikan, kita tidak naikkan cukai kecuali tembakau dan minuman keras. Kenaikan itu pun mempunyai matlamat tertentu. Sebenarnya, ini adalah 'painless' bajet (tidak menyakitkan).

Maknanya, kita akan menghadapi bajet defisit hingga 2005. Bagaimana kesannya kepada kedudukan kewangan negara.

Ya! kemungkinan itu ada, tetapi kadar defisitnya kurang daripada sekarang. Namun, ia tidak akan membebankan kedudukan kewangan negara kerana kita mempunyai banyak kecairan dalam sistem ini, sebenarnya keupayaan kerajaan menjana kecairan melebihi pinjaman. Jadi kita tidak perlu pinjam dari luar negara, sebaliknya boleh dibiayai dengan menggerakkan sumber kewangan yang diperolehi secara dalaman. Meskipun bajet defisit, namun sumber kewangan tempatan masih berupaya menampung tetapi kita perlu berhati-hati dengan memastikan hutang negara tidak terus meningkat.

Sekarang, pada kedudukan kira-kira 45 peratus daripada KDNK, ini adalah suatu keadaan yang masih boleh diuruskan. Ada negara yang ada lebih 100 peratus seperti Jepun, kebanyakan negara berusaha mengawal pada kedudukan 60 peratus daripada KDNK tetapi kita mesti berusaha mengurangkan hutang kerana kalau melebihi 50 peratus, itu adalah perkara yang merungsiakan.

Tahun ini, kerajaan mahu menjadikan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi negara. Kenapa perlu swasta dan bukannya kerajaan?

Kerajaan tidak boleh menjadi jentera pertumbuhan ekonomi kerana tidak ada sumber berbanding sektor swasta. Kerajaan sebenarnya tidak patut menyertai aktiviti ekonomi secara langsung sebab swasta lebih cekap dan sebagainya. Kalau kita mahu ekonomi berkembang pesat, kita kena bergantung kepada pihak swasta bukan kerajaan.

Namun, satu kebimbangan saya kini, kerajaan sudah menggerakkan sektor swasta selama tujuh tahun, mungkin pihak swasta sudah merasa selesa dengan keadaan itu, menyebabkan mereka susah hendak bergerak tanpa situasi sama. Itulah risiko apabila kerajaan kini mahu sektor swasta membantu menjana ekonomi negara ketika ini. Kerajaan mesti mempunyai perancangan menangani situasi itu dengan mengimbangi penglibatannya sambil swasta mengambil alih peranan yang lebih besar.

Dalam usaha menarik kemasukan pelaburan terus asing (FDI), kita juga melihat syarikat multinasional memindahkan operasi mereka dari sini ke negara lain kerana mengejar kos buruh yang rendah. Bagaimana kita mahu menghadapi situasi ini?

Situasi yang dihadapi ini tidak boleh dielakkan. Ia adalah trend di mana-mana dan dalam konteks ini, faktor China yang paling penting dan berpengaruh. China memang berjaya menarik FDI yang begitu tinggi kerana sumber buruhnya yang paling murah hinggakan negara-negara yang berjiran tidak berupaya menandinginya dalam aktiviti pengeluaran secara intensif. Kita kena menukar strategi kerana China juga tidak boleh mendapat kemahiran dalam semua bidang. Mereka juga membuat pemilihan.

Negara seperti Malaysia boleh mengambil satu jalan yang tidak bersaing dengan China, sebaliknya sesuatu yang melengkap apa yang dibuat China, supaya apabila negara itu berkembang, kita turut berkembang sama. Kita kena berubah, memang FDI sangat penting untuk ekonomi kita tetapi kita kena pergi kepada FDI yang berbeza. Bajet kali ini juga memberi tumpuan kepada masalah itu untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat semua aktiviti multinasional bukan setakat pembuatan tetapi sebagai ibu pejabat wilayah mereka dan kerajaan memberi insentif cukai kepada sumber baru.

Walaupun ada yang memindahkan operasi pengeluaran ke negara lain tetapi pengawasan kawalan masih dijalankan dari sini. Kita kini bukan lagi

setakat menumpukan perhatian kepada pengeluaran berasaskan buruh semata-mata tetapi pengeluaran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dengan penggunaan buruh yang mahir. Usaha ini juga akan menyumbang kepada hasrat kita untuk menjadi negara maju.

Kerajaan bercadang memberi kadar pelepasan cukai anak daripada RM800 kepada RM1,000 seorang bagi meringankan beban perbelanjaan ibu bapa. Adakah kadar ini sesuai dengan keadaan sekarang bahawa ibu bapa perlu berbelanja lebih untuk anak mereka dari tadika sehinggalah ke sekolah menengah dan universiti?

Kalau had itu dikaitkan dengan persoalan sama ada ia cukup atau tidak, memang tidak mencukupi tetapi kenaikan itu meskipun ada pihak beranggapan kecil tetapi itu adalah satu langkah permulaan yang baik. Lebih baik sedikit daripada tiada langsung. Mungkin pada bajet akan datang, ia boleh ditingkatkan lagi tetapi berdasarkan keadaan sekarang, memang had itu masih tidak cukup.

Kerajaan memperuntukkan RM319 juta bagi meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti tenaga mahir di negara ini. Adakah ini bermakna Malaysia masih ketinggalan dari segi keupayaan ini dan kualiti kerja berbanding negara Asean yang lain?

Saya berpendapat usaha itu tidak wajar ditafsirkan sedemikian. Memangnya agak 'miss match' sekarang, apa yang dikeluarkan daripada IPT dan institusi sekarang ini tidak sesuai dengan apa yang diperlukan oleh pasaran. Mungkin perlu dibuat sedikit pembedaan atau ubah suai mengikut keperluan. Bukan setakat Malaysia saja melakukan tindakan ini, tetapi negara jiran juga berbuat demikian sebab keperluan berubah dengan pantas sebab itu kerana menyediakan peruntukan melatih semula sebahagian graduan kita.

Dari segi ekonomi, tidakkah usaha kerajaan untuk mengambil alih pembinaan rumah kos rendah dan sederhana melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana berpeluang memiliki rumah, meningkatkan perbelanjaan negara, sedangkan tugas itu boleh dilakukan oleh pemaju swasta?

Memang langkah ini akan meningkatkan beban kewangan kerajaan tetapi ia perlu dilakukan demi tanggungjawab sosial kepada rakyat dalam usaha memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah. Sektor swasta sentiasa mengutamakan keuntungan dan kurang berminat memberi subsidi. Kalau ada projek besar di mana keuntungan banyak, sebahagiannya boleh dialihkan kepada pembinaan rumah kos rendah. Namun, sekarang tiada projek besar menyebabkan swasta enggan melibatkan diri untuk memenuhi tanggungjawab ini. Kalau dibiarkan juga, mungkin lebih banyak projek perumahan kos rendah akan terbengkalai atau pemaju mengabaikan aspek kualiti sehingga menyebabkan rumah yang disediakan tidak seperti yang diharapkan oleh pembeli dan orang ramai kerana dilakukan tanpa minat oleh pemaju swasta. Keadaan itu menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil tindakan ini, lebih baik kerajaan mengutip cukai daripada pemaju dan melaksanakan sendiri projek perumahan itu menerusi agensinya yang berupaya memastikan matlamat sosialnya tercapai.

Kos mengerjakan haji secara muassasah juga diberi pengurangan sebanyak lima peratus dalam bajet kali ini?

Itu boleh dianggap sebagai satu pemberian ikhlas kepada umat Islam untuk menunaikan haji.

Alasan menggalakkan gaya hidup sihat dan mahu membendung gejala sosial menyebabkan kerajaan mencadangkan kadar duti import dan eksais terhadap rokok dan minuman keras dinaikkan. Adakah ia berkesan menangani masalah itu?

Saya tidak fikir kenaikan cukai dapat membantu menyelesaikan masalah ini kerana berpendapat orang yang merokok dan minum arak sedia membayar apa saja harga untuk meneruskan tabiat masing-masing. Bagi golongan ini, rokok dan arak adalah barangan di mana faktor harga adalah perkara yang terakhir.

Tetapi tindakan itu penting untuk menggalakkan gaya hidup sihat?

Memanglah! tetapi apa yang saya tekankan ialah golongan ini tetap akan merokok atau minum arak biar berapa pun harganya. Kenaikan cukai tidak akan mengurangkan penggunaan barangan itu. Ini tindakan berani kerajaan tetapi ia adalah satu langkah yang dilakukan oleh banyak negara di seluruh dunia.

Kerajaan akan mengurangkan kadar faedah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat kepada tiga peratus. Adakah kadar ini berpatutan atau sepatutnya dimansuhkan kerana ia untuk kemajuan rakyat dan tidak seharusnya menggunakan kadar faedah komersial?

Saya fikir kadar tiga peratus itu sudah rendah berbanding paras kadar komersial semasa. Pada masa kini, kalau dikurangkan lagi, ini akan meningkatkan beban kewangan negara dan pihak yang menerima kemudahan itu tidak akan menghargainya. Saya berpendapat mereka yang menikmati kemudahan pinjaman itu patut membayar harganya, sebab biasanya kalau awak tidak membayar, awak tidak akan menghargainya.

Jika diperoleh secara percuma, orang tidak menghargainya. Kalau anda mahu orang membaca buku, jangan berikan dia buku, sebaliknya usahakan supaya dia membeli buku itu sendiri, kerana kalau dibeli, buku itu akan dibaca berbanding jika mendapatnya secara percuma. Saya berpendapat, pelajar kita perlu dididik supaya memahami dari awal bahawa tiada yang mereka boleh dapat secara percuma dan mudah di dunia ini.

Bagaimana penilaian Dr dengan bajet ini kerana ia adalah bajet terakhir yang dibentangkan oleh Dr Mahathir sebelum bersara Oktober ini.

Bajet ini akan diingati tetapi beliau tidak bertindak seperti 'Santa Clause' seperti yang diharap oleh banyak pihak yang menaruh harapan pelbagai insentif diumumkan, sebaliknya Dr Mahathir mengemukakan bajet yang mempunyai matlamat dan wawasan yang jelas. Memang kita terpaksa menghadapi bajet yang defisit tetapi ia dibuat tanpa perlu meningkatkan sebarang cukai. Secara keseluruhannya ia adalah bajet yang munasabah dan akan dikenang rakyat Malaysia untuk tempoh yang panjang.